

## MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 10 OGOS (BERNAMA). -- KELAB-KELAB BELIA MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM PEMBENTUKAN SATU BANGSA MALAYSIA YANG DISEGANI DAN DIHORMATI OLEH SELURUH DUNIA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

+ MEREKA INI TERDIRI DARIPADA ORANG-ORANG YANG SEDERHANA FIKIRANNYA, YANG MENERIMA HAKIKAT KEADAAN MAJMUK, SANGGUP BEKERJASAMA ANTARA KAUM, MENGUTAMAKAN PEMBANGUNANA NEGARA LEBIH DARIPADA KEHENDAK NAFSU MEREKA DAN KEPENTINGAN YANG SEMPIT, + KATANYA KETIKA MERASMIKAN SERENTAK KOMPLEKS PERSATUAN KELAB-KELAB BELIA MALAYSIA (MAYC) DAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-32 MAYC DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA UNTUK MEMBENTUK +SATU RUPA BANGSA MALAYSIA+ INI SUDAH TENTU PERMULAAN DIBUAT DI KALANGAN ORANG-ORANG MUDA.

DI SINILAH PENTINGNYA PERANAN KELAB-KELAB BELIA SEPERTI MAYC, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BAGAIMANAPUN, MENDAPATI PADA MASA INI MASIH LAGI TERDAPAT KEKURANGAN PERWAKILAN SESETENGAH KAUM YANG ADA DI NEGARA INI DALAM PERGERAKAN BELIA. -- LAGI.

1439MST 10 08 86

U 8285 DEB

## MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, MUNGKIN BANYAK DI KALANGAN MEREKA YANG INGIN MENYERTAI GERAKAN SEPERTI MAYC TETAPI TERHALANG OLEH SEBAB-SEBAB TERTENTU.

OLEH ITU SEBAB-SEBAB YANG WAJAR PERLU DITENTUKAN UNTUK MEMBOLEHKAN PENYERTAAN MEREKA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENTAKRIFKAN +THE NEW MALAYSIANS+, YANG DIHASSRATKAN OLEH KERAJAAN ITU SEBAGAI SATU BANGSA YANG MEMPUNYAI SEMANGAT KEBANGSAAN TANPA MENGENEPIKAN KEPELUAN AGAMA.

KATANYA, SEMANGAT KEBANGSAAN INI AKAN MENDORONGKAN MEREKA BEKERJA UNTUK BANGSA DAN MENJADIKANNYA SATU BANGSA YANG MAJU DAN DIHORMATI OLEH SELURUH DUNIA.

MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR, DUA FAKTOR PENTING KE ARAH PENCAPAIAN HASRAT INI IALAH DISIPLIN DAN SIKAP RAJIN BEKERJA DI KALANGAN BELIA DI NEGARA INI. -- LAGI.

1443MST 10 08 86

R 8292 DEB

## MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

BAGAIMANAPUN, KATANYA, DALAM USAHA KERAJAAN MEMBENTUK SATU BANGSA YANG BERDIRI TEGAP DAN DIHORMATI OLEH SEMUA PIHAK IA TELAH DISERANG HEBAT OLEH +MEREKA YANG TIDAK INGIN MELIHAT NEGARA INI MAJU.+

+ APABILA KITA BERKATA BAHAWA KITA MEMBENTUK SATU MASYARAKAT YANG BERSIH, CEKAP DAN BERAMANAH, MEREKA Mencari BUKTI-BUKTI BAHAWA TIDAK ADA KEBERSIHAN, KECEKAPAN DAN AMANAH DI KALANGAN KITA, + KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MEREKA MENUNJUK BERNACAM-MACAM PERKARA YANG SENGAJA DILUKISKAN UNTUK MENUNJUKKAN SLOGON INI TIDAK DIAMALKAN OLEH KERAJAAN.

+ SAYA YAKIN ORANG-ORANG INI AKAN TERUS MENCUBA UNTUK MENGEAGALKAN USAHA KITA DAN MEREKA SUDAH TENTU DISOKONG OLEH ORANG-ORANG ASING YANG MEMANG TIDAK SUKA AKAN KITA, + KATANYA.

MENURUTNYA, GOLONGAN INI MEREKA YANG MENYOKONG PARTI-PARTI YANG BERCORAK PERKAUMAN PADA PILIHAN RAYA UMUM YANG LEPAS. -- LAGI.

1501MST 10 08 86

R 8294 DEB

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

DALAM UCAPANNYA PRESIDEN MAYC DATUK SERI SANUSI JUNID, YANG JUGA MENTERI PERTANIAN, MENYATAKAN SOKONGAN 250,000 ANGGOTA PERSATUAN DI SELURUH NEGARA TERHADAP SEGALA TINDAKAN YANG DIAMBIL OLEH PERDANA MENTERI.

+ SUNGGUHPUN MEREKA TIDAK TAHU SEBAB SESUATU TINDAKAN ITU DIAMBIL, TETAPI MEREKA MEMBERI SOKONGAN KERANA MEREKA YAKIN DATUK SERI DR MAHATHIR TIDAK AKAN MENDURHAKAI CITA-CITA BANGSA DAN NEGARA, + KATANYA.

LAGI PUN MEREKA TAHU BAHAWA DATUK SERI DR MAHATHIR MERUPAKAN SEBAHAGIAN SEJARAH MEREKA SENDIRI, KATANYA.

YANG TURUT MENGHADIRI UPACARA ITU IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH, BEBERAPA ORANG MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI SERTA PRESIDEN PERTAMA MAYC TAN SRI HAJI MUBIN SHEPPARD. -- BERNAMA.

1538MST 10 08 86